

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI**  
**AKADEMI BADMINTON MALAYSIA**  
**UPACARA PELANCARAN PROJEK DAN LOGO "BADMINTON 98"**  
**17 APRIL 1993**

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi atas limpah kurniaNya mengumpulkan kita semua dalam - Bersama Ke arah Kecemerlangan" pada pagi ini. Saya bersyukur juga upacara ini dapat diadakan dalam bangunan sebegini indah, iaitu Akademi Badminton Malaysia, julung-julung kali diadakan dalam rantau Asia Tenggara ini.

2. Saya sebagai Penaung Yayasan Badminton Malaysia mengalu-alukan kehadiran tetamu-tetamu kehormat, tuan-tuan dan puan-puan, khasnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sudi melapangkan masa untuk hadir bersama.

3. Sejak Piala Thomas direbut kembali setahun yang lalu, terdapat satu minat dan pembaharuan sikap di kalangan peminat terhadap sukan badminton yang kini semakin popular di kalangan masyarakat kita. Ini bererti sukan ini dapat dipertingkatkan lagi mutu permainannya. Ini juga bererti bahawa kita harus membuat banyak persiapan dari sekarang untuk jangka yang sederhana dan untuk masa depan.

4. Akademi Badminton Malaysia merupakan satu usaha untuk menentukan supaya negara kita sentiasa mempunyai sumber bakat pemain muda yang berterusan. Ini adalah untuk menjaminkan kedudukan utama Malaysia dalam sukan ini. Sungguhpun masih lagi berada di peringkat awalan, proses telahpun bermula untuk mencari remaja berbakat dari seluruh pelusuk negara bagi ditempatkan dan diberi latihan badminton di kompleks Akademi dan juga pendidikan mengikut kurikulum persekolahan Malaysia di Sekolah Sri Garden yang menjadi sebahagian daripada Akademi Badminton Malaysia. Tugas dan tanggungjawab kami di Akademi ini begitu berat tetapi saya yakin semua tenaga pengajar dan pemain akan berganding bahu dan pengalaman mereka bagi menjayakan Akademi ini.

5. Kita juga telah mempunyai perancangan untuk membangunkan sukan ini di seluruh negara, khususnya di kalangan pemain-pemain muda supaya lebih ramai pemain muda mempunyai peluang untuk memajukan diri dan negara mereka.

6. Tujuan utama kita mengadakan majlis ini adalah untuk melancarkan 'Badminton 98', satu lagi kempen yang agresif dan bercita-cita besar untuk menentukan supaya negara kita akan dapat berbangga dengan usaha kita mengadakan Sukan Komanwel 1998. Kempen ini juga adalah untuk memastikan perancangan kita di tahap jangka masa sederhana adalah teratur dan diselenggarakan dengan baik.

7. Kita juga harus bersyukur dan terhutang budi kepada Kumpulan The New Straits Times dan TV3 atas usaha dan kesungguhan mereka bagi memastikan kempen ini

berjaya. Kita berterima kasih bahawa kedua-dua syarikat yang besar ini sudi bersama-sama dengan syarikat-syarikat lain bagi membantu memajukan sukan badminton ini.

8. Banyak kemajuan telah kita capai di masa-masa lampau. Sukan badminton kini telah banyak berubah. Oleh itu corak dan cara kita melatih pemain dan mentadbirkan sukan ini sekarang harus mengikut kehendak masa dan keadaan. 'Badminton 98' memerlukan bukan sahaja sokongan kewangan tetapi juga berbagai-bagai bantuan. Ia juga memerlukan pengorbanan yang banyak daripada orang ramai bagi menjayakan skim sukan ini.

9. Saya yakin bahawa ramai yang akan menyahut panggilan ini. Kepada mereka yang telah mula membantu, saya dengan ikhlas mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga.

10. Sukan yang mempunyai cara tersendiri dapat menyatukan masyarakat. Di Malaysia badminton membuat kita sehati dan sejiwa. Kejayaan kita di gelanggang badminton adalah kejayaan sebilangan kita yang telah berusaha bersungguh-sungguh dan mengorbankan masa dan tenaga demi kepentingan masyarakat dan negara.

11. 'Badminton 98' sekali lagi memerlukan sokongan dan bantuan ramai dan kita yakin bahawa sekali lagi rakyat Malaysia akan bangun untuk menyahut seruan ini.

12. Adalah penting bagi kita menghargai dan mengiktiraf usaha-usaha pemain-pemain kita. Desakan dan sengitan permainan badminton hari ini membuatnya mustahil untuk seseorang pemain atau pasangan bergu untuk terus menerus memenangi semua kejohanan dan pertandingan. Namun hati kita memang sentiasa bersama pemain-pemain kita apabila saja mereka memasuki gelanggang.

13. Dalam keadaan yang sama, adalah juga penting bagi pemain-pemain menyedari akan pengorbanan yang telah dicurahkan oleh negara semata-mata untuk mereka. Dan saya suka menggesa mereka untuk terus berusaha habis-habisan dengan cara yang terbaik bagi mereka demi kepentingan negara. Tidak seorang pun pemain boleh menerima saja apa yang berlaku. Hanya dengan berasaskan kepada semangat yang kuat dan sikap positif sahaja baru kita boleh mempunyai disiplin dan seterusnya memperolehi kejayaan.

14. Pemain-pemain remaja termasuk mereka yang sekarang berada di Sekolah Sri Garden, menikmati kemudahan-kemudahan yang lebih baik dan mempunyai banyak peluang berbanding dengan pemain-pemain sebelum mereka. Saya menggesa mereka supaya berasa terima kasih atas semua ini dan hendaklah mereka bekerja keras baik semasa di luar atau di dalam gelanggang. Jalan ke hadapan tidaklah mudah dan ini boleh diceritakan oleh juara-juara kita yang dahulu dan sekarang. Mereka hendaklah bersedia untuk membuat pengorbanan yang besar untuk menjadi seorang pemain dan individu yang lebih baik.

15. 'BADMINTON 98' bertujuan untuk memenuhi pelbagai matlamat. Yang

paling utama ialah menyediakan biasiswa kepada pelajar- pelajar di Akademi Badminton Malaysia. Kos untuk menguruskan seorang pemain setiap tahun ialah sebanyak RM12,000. Kita sedang berusaha untuk permulaan mendapatkan 50 pemain (dengan kos sebanyak RM600,000) dan menjelang 1997 angka itu akan ditingkatkan kepada 150 pemain dengan kos pengurusan mereka keseluruhannya setiap tahun berjumlah RM1.8 juta.

16. Satu lagi matlamat Yayasan Badminton Malaysia ialah untuk membina sebuah asrama yang boleh menempatkan 250 hingga 300 pelajar atau pelatih dan sebuah dewan tambahan bersebelahan dengan Akademi sekarang bagi menampung penambahan bilangan pemain-pemain.

17. Adalah juga menjadi tujuan Yayasan untuk menaja projek- projek pembangunan badminton di negeri-negeri di mana 20 pemain remaja yang berpotensi dan dalam usia 12 tahun, akan dilatih secara sistematik di setiap negeri itu untuk selama lima tahun akan datang. Untuk 14 negeri itu, sejumlah RM840,000 setahun diperlukan bagi tujuan itu.

18. Rancangan-rancangan lain adalah termasuk meningkatkan secara keseluruhan tahap kemudahan-kemudahan yang ada sekarang dan menyediakan lebih banyak peralatan terutamanya di peringkat sekolah. Dalam hubungan ini kita sudah tentu akan bekerjasama rapat dengan pihak-pihak berkuasa berkenaan terutamanya Kementerian Pendidikan.

19. Tambahan lagi, kita berharap dapat membina kemudahan- kemudahan badminton yang baru di merata tempat dalam negara kita terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar. Untuk sekim ini, saya suka menyebut Tenaga Nasional Berhad yang telah menyatakan hasratnya untuk melibatkan dirinya melalui rangkaian pejabatnya di seluruh negara.

20. Banyak aktiviti lain akan turut diadakan termasuk menawarkan anugerah yang sesuai kepada mereka yang telah menunjukkan kecemerlangan mereka atau yang telah menyumbang kepada sukan badminton dengan cara yang besar. Yayasan ini telah menerima banyak rayuan dari pelajar-pelajar yang daif dan miskin yang berpotensi. Selaras dengan aspirasi kita memberikan peluang yang adil kepada rakyat Malaysia, Yayasan Badminton Malaysia akan, dalam konteks sukan badminton, memainkan peranan yang penting dalam memastikan remaja negara khususnya mereka yang di luar bandar, diberikan peluang untuk meningkatkan mutu permainan mereka supaya pada satu hari kelak mereka dapat mewakili negara.

21. Bahan-bahan latihan seperti pita-pita video akan disediakan kepada pelatih-pelatih di semua peringkat kumpulan umur, sekolah dan kepada orang ramai.

22. Projek 'BADMINTON 98' adalah sebenarnya satu kempen yang bercita-cita besar dan penting. Kita bukan sahaja menyediakan pemain-pemain kita untuk berjaya di Sukan Komanwel dalam tahun 1998 tetapi juga untuk mengukuhkan lagi

asas yang telah dibina untuk meletakkan Malaysia sebenar- benarnya di peta badminton dunia.

23. Sebagai sebuah negara, kita mungkin tidak boleh menandingi beberapa negara terkemuka dalam sukan badminton daripada segi penduduknya, tetapi kita sudah pasti mampu menandingi mana-mana negara daripada segi kecekalan dan keazamannya. Semangat juang pemain-pemain Piala Thomas kita pada tahun lalu adalah petunjuk jelas dan jitu mengenai kebolehan pemain-pemain kita mengatasi ke ukaran dan kadang-kadang seolah-olah satu tugas yang mustahil. Pasukan kita yang cemerlang itu telah membuktikan kejayaan mereka dan telah membuat negara berasa bangga.

24. Sekarang, marilah saya menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan dan warga korporat Malaysia, bersama- sama untuk bukan sahaja mencapai kejayaan besar dalam dunia badminton tetapi juga untuk bekerjasama dengan Yayasan Badminton Malaysia bagi memastikan bahawa melalui sukan badminton kita juga dapat menyumbang kepada pembinaan negara dan setiakawan di kalangan rakyat Malaysia.

25. Rakyat Malaysia di seluruh negara pernah berdiri megah pada awal pagi 17 Mei 1992. Kejayaan kempen 'BADMINTON 98' akan membawa bukan sahaja kebanggaan kepada negara tetapi juga maruah dan rasa kejayaan kepada rakyatnya.

26. Projek-projek yang telah saya sebutkan tadi dan tujuan- tujuan Yayasan Badminton Malaysia telah menarik minat penaja-penaja kita hari ini iaitu Kumpulan The News Straits Times dan TV3. Kami mengalu-alukan cara kedua-dua pertubuhan ini memainkan peranan mereka sebagai warga korporat Malaysia yang bertanggungjawab untuk membantu kita memaju dan mengembangkan sukan badminton ini kepada tahap yang cemerlang di mana pemain-pemain badminton kita boleh menjadi di antara pemain yang terbaik dan terkemuka di dunia.

27. Dalam melancarkan 'BADMINTON 98' ini suka saya menyeru semua pemain kebangsaan, pelatih-pelatih di peringkat negara dan negeri dan semua remaja yang akan mendapat faedah daripada kempen ini supaya berikrar memberikan daya upaya yang tertinggi dan menggunakan sepenuhnya peluang-peluang yang diperolehi daripada usaha-usaha dan sumbangan-sumbangan orang ramai dan badan-badan korporat bagi sukan ini. Memang benar kita sekarang meletakkan harapan yang tinggi kepada belia-belia kita hari ini tetapi dengan bimbingan dan tunjukajar yang sesuai, kemas dan kukuh, saya yakin mereka akan dapat membuktikan kemampuan mereka mencapai kecemerlangan.

28. Kepada penganjur, pegawai-pegawai dan pemain-pemain, saya mengucapkan selamat mencapai kejayaan dalam kita menempuh era baru sukan badminton Malaysia yang penuh dengan rangsangan ini.

29. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya melancarkan 'BADMINTON 98' - Bersama ke arah kecemerlangan' dengan rasminya.

Wassalam.